

DASAR DAN GARIS PANDUAN UNTUK MEMBENARKAN KERUGIAN TERKUMPUL DAN ELAUN MODAL YANG TIDAK DISERAP DIBAWA KE HADAPAN

1. PENGENALAN

Mulai tahun taksiran 2006, kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap oleh sesebuah syarikat tidak lagi dibenarkan dibawa ke hadapan apabila terdapat perubahan 50% atau lebih dalam pemegangan ekuitinya.

2. DASAR

2.1 Kementerian Kewangan melalui suratnya bertarikh 7 Disember 2007 telah mengantikan dasar dan garis panduan yang dikeluarkannya pada 21 April 2006, mengenai peraturan untuk membenarkan kerugian larasan perniagaan yang terkumpul serta elaun modal yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan untuk dibenarkan diserap dalam tahun taksiran itu dan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 44(5D) dan perenggan 75C, Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967. Dasar baharu ini dianggap berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2006, adalah seperti berikut:

Sesebuah syarikat yang mengalami perubahan sebahagian besar dalam pemegangan syer (iaitu 50% atau lebih) adalah dibenarkan membawa ke hadapan kerugian larasan perniagaan terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap untuk diserap dalam tahun taksiran itu dan dalam tahun-tahun taksiran seterusnya KECUALI perubahan sebahagian besar pemegangan syer yang berlaku dalam syarikat *dormant*.

2.2 Bagi tujuan ini, Kementerian Kewangan juga telah memberikan definisi syarikat *dormant* seperti berikut:

Sesebuah syarikat dianggap sebagai *dormant* jika tidak mempunyai sebarang transaksi akaun yang signifikan dalam satu tahun kewangan sebelum berlakunya perubahan sebahagian besar (iaitu 50% atau lebih) dalam pemegangan ekuitinya. Ini bermakna tidak ada daftar masuk dalam akaun syarikat selain daripada perbelanjaan minimum untuk memenuhi keperluan perundangan yang telah ditetapkan. Perbelanjaan minimum yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. memfail *annual return* syarikat kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia;

- ii. **fi setiausaha atas perkhidmatan memfail *annual return* syarikat;**
 - iii. **kos mengisi borang nyata dan pengiraan cukai (*tax filing fee*);**
 - iv. **fi audit statutori (*audit fee*); dan**
 - v. **fi penyediaan akaun (*accounting fee*).**
- 2.3 Di samping itu, penentuan peringkat pemegangan syer sama ada telah berlaku perubahan sebahagian besar pemegangan syer dalam sesebuah syarikat *dormant* itu, Kementerian Kewangan memutuskan bahawa penentuan peringkat pemegangan syer adalah pada peringkat pemegangan langsung (direct holding) antara syarikat *dormant* yang diambil alih dengan syarikat yang mengambil alih.

3. PERMOHONAN BAGI KES DI LUAR DASAR

Bagi kes di luar dasar yang dinyatakan di perenggan 2 di atas, permohonan untuk mendapatkan pertimbangan berdasarkan merit kes boleh dikemukakan kepada YB Menteri Kewangan melalui alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Presint 2
62592 PUTRAJAYA

(u.p.: Y. Bhg Datuk Aziyah bte Bahauddin)

Telefon: 03-8882 3330 Faks: 03-8882 3884